

PM: Perlu ada yang berkorban

BH 12 APR 1986

Oleh RAHIM LAJIS

KUCHING, Jumaat — Untuk menghasilkan sebarang bentuk kejayaan dalam apa jua bidang, termasuk politik, ada pihak yang harus bersedia mengorbankan kepentingan diri untuk faedah umum, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kesediaan untuk berkorban adalah asas penting mewujudkan kerjasama," kata beliau ketika merasmikan ibu pejabat Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang berharga \$1.5 juta di Jalan Satok di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha mewujudkan kerjasama, kadangkala ada pihak kecewa apabila gagal mencapai sesuatu tetapi mustahil kita boleh mendapat semua faedah untuk diri sendiri sahaja.

"Kita mesti bertolak ansur, berkorban sedikit untuk mendapatkan banyak faedah, dan setiap orang hendaklah berbuat demikian supaya kita semua boleh menikmati faedahnya," tegas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebahagian masyarakat kini menganggap politik sesuatu yang kotor.

"Tetapi sama ada politik itu kotor atau tidak, ia bergantung kepada kita sendiri. Jika kita ingin menjadikannya bidang yang kotor, jadilah ia kegiatan kotor," tegas beliau.

Berbakti

Perdana Menteri berkata, politik pasti menjadi kotor jika kemahuan diri sendiri lebih diutamakan daripada kepentingan negara dan rakyat.

"Politik untuk faedah rakyat, politik seseorang yang cintakan negara, ingin berbakti untuk melahirkan negara yang lebih baik bukanlah politik yang kotor," tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin PBB bukanlah parti politik yang memberi keutamaan kepada cita-cita sesiapa, sebaliknya ia adalah parti yang mengutamakan rakyat, negara dan tempat bagi Sarawak dalam Malaysia.

"Kejayaan sesuatu bangsa atau kumpulan, bergantung kepada nilai hidup yang dipercayai atau diamalkannya. Jika kita mempunyai nilai hidup yang baik, nescaya kita akan menjadi bangsa yang mulia, berjaya dan dihormati oleh dunia," katanya.

Beliau berharap PBB sentiasa mengingatkan semua peringkat pemimpin dan ahli-ahlinya mengenai semangat, tugas dan tanggungjawab mereka dalam Barisan Nasional (BN).